

03 AUG 2001

Arroyo-Lawatan

ARROYO AKAN MENGADAKAN LAWATAN NEGARA KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo akan mengadakan lawatan negara ke Malaysia dari 7 hingga 9 Ogos atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Ini merupakan lawatan rasmi pertama beliau sejak memegang jawatan Presiden Filipina ke-14 pada 20 Jan tahun ini. Kunjungan ke Malaysia adalah dalam siri lawatan beliau untuk membiasakan diri dengan negara-negara Asean," menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini hari ini.

Arroyo akan diiringi suaminya Jose Miguel T.Arroyo dan satu rombongan terdiri daripada Presiden Senat republik itu, menteri-menteri, para pegawai dan ahli perniagaan.

Presiden Filipina itu dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Selepas pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kedua-dua pemimpin akan mempengerusikan mesyuarat delegasi untuk membincangkan isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama.

Semasa lawatan itu, dijangkakan kedua-dua kerajaan akan menandatangani tiga Memorandum Persefahaman dalam bidang kesihatan, maklumat dan pelancongan, menurut Wisma Putra.

Kedua-dua negara juga dijangka meningkatkan hubungan erat politik dan ekonomi mereka termasuk mempergiatkan semula kegiatan ekonomi di bawah Kawasan Pertumbuhan Asean Timur -- Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Lawatan itu juga akan memberi peluang kepada sektor swasta kedua-dua negara memperbaharui hubungan mereka.

-- BERNAMA

FA AHH RON